

Sesiapa saja bebas letak jawatan: PM

BH 12 JULAI 1988

Oleh NASRI ABDULLAH

ALOR STAR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau belum mendapat sebarang bukti yang menunjukkan Ahli Parlimen MCA kawasan Ampang Jaya, Dr Lim Ann Koon, meletakkan jawatan disebabkan hasutan 'Team B'.

"Sesiapa sahaja boleh meletakkan jawatan kerana mereka bebas berbuat demikian di negara ini," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Kepala Batas di sini, ketika diminta mengulas perletakan jawatan Dr Lim itu.

Datuk Seri Dr Mahathir tiba di sini pada jam 1 tengah hari untuk menghadiri majlis perkahwinan sebelum melawat Balai Polis Daerah Jitra petang ini.

Semalam, Timbalan Presiden MCA, Encik Lee Kim Sai mengesahkan khabar angin bahawa beberapa penyokong 'Team B' dari kalangan bekas ahli Umno "bekerja keras" mempengaruhi Ahli Parlimen MCA kawasan Ampang Jaya itu, yang meletakkan jawatan kelmarin, supaya berbuat

demikian untuk memaksa satu pilihanraya kecil.

Encik Lee berkata, beliau menerima maklum balas bahawa beberapa orang yang terbabit dengan kumpulan itu "mencucuk" Dr Lim meletakkan jawatan.

Datuk Seri Dr Mahathir, ketika ditanya kemungkinan ada lagi wakil MCA, meletakkan jawatan, berkata kerajaan bersedia menghadapi segala yang mungkin berlaku.

Calon

Mengenai calon yang akan bertanding dalam pilihanraya kecil Ampang Jaya itu, beliau berkata, ia terpulang kepada MCA untuk menentukan calonnya nanti.

Ditanya mengenai kedudukan Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Encik M G Pandithan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, keputusan mengenainya belum diputuskan.

Jawatankuasa Kerja Pusat MIC menolak rayuan Encik Pandithan yang juga Naib Presiden MIC serta penyokongnya yang dipecat daripada parti itu pada 16 Julai lalu kerana melancarkan mogok lapar.